



## Faktor penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur

Mohd Alif Jasni <sup>1</sup>, Siti Hajar Abu Bakar Ah <sup>2</sup>, Jal Zabdi Mohd Yusoff <sup>3</sup>, Khariyah Md. Shahid <sup>4</sup>,  
Noralina Omar <sup>5</sup>, Zaiton Azman <sup>6</sup>

<sup>1,2,5,6</sup> Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya

<sup>3</sup> Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya

<sup>4</sup> Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA

Correspondence: Mohd Alif Jasni (mohdalifjasni@gmail.com)

### Abstrak

Penghijrahan bekas banduan dari tempat asal ke kawasan baru berlaku atas pelbagai sebab penolakan yang wujud dari tempat asal. Kesan penghijrahan ini membawa kepada penumpuan bekas banduan yang ramai di suatu tempat yang sama. Kajian yang dilakukan ini telah mendapati berlakunya penumpuan bekas banduan di sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Situasi yang berlaku ini amat membimbangkan apabila pengaruh jenayah boleh berlaku secara berterusan. Penumpuan rakan senasib akan mengalakkan aktiviti jenayah dan pengulangan jenayah lama seperti mencuri, merompak, meragut, mengambil dadah dan sebagainya. Oleh itu, sistem keadilan jenayah di Malaysia akan sering menemui kegagalan dalam memulihkan bekas banduan. Bekas banduan akan tetap kembali kepada sikap dan tingkah laku yang sama akibat jenis pergaulan yang dipilih. Temu bual mendalam telah dilakukan ke atas 16 orang bekas banduan yang mempunyai masalah ketagihan dadah tanpa mengira jenis kesalahan lepas. Analisis kajian telah memperlihatkan kecenderungan bekas banduan untuk berhijrah dari tempat asal dan rumah keluarga akibat daripada penolakan keluarga dan juga stigma yang wujud di tempat asal mereka. Dapatan kajian ini berupaya membekalkan maklumat dalam membuktikan punca penghijrahan bekas banduan di suatu tempat yang sama iaitu dalam kajian ini ialah di sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Penemuan ini dapat menyumbangkan hasil dapatan yang baru kepada sistem keadilan jenayah di Malaysia tentang penghijrahan dan penumpuan bekas banduan di suatu kawasan yang sama serta kesan-kesan yang boleh berlaku daripada penumpuan bekas banduan ini.

**Kata kunci:** bekas banduan, faktor penarik, faktor penolak, jenayah, penghijrahan, penumpuan

## Factor of migration and convergence of former prisoners in Chow Kit Road, Kuala Lumpur

### Abstract

The migration of former prisoners from their place of origin to a new area is due to various reasons of rejection in the origin place. The effect of this migration lead to a convergence of many former prisoners to the same place. In this study, the occurrence of convergence of former prisoners can be seen around Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. This situation is very alarming due to exposure to the influence of crime on a continuous basis. The convergence of ex-convict friends will encourage criminal activity and repetition of old crimes such as stealing, robbing, snatching, taking drugs and other illegal activities. Therefore, the criminal justice system in Malaysia will often fail to rehabilitate the former prisoners. The former prisoners will still return to their old habits and behaviours due to the type of association he chooses. In-depth interviews were conducted on 16 former prisoners who had drug addiction problems regardless of the type of past offence. Preliminary analysis of the study indicates a tendency to migrate from family home as a result of family rejection and stigma that exists in their places of origin. The findings of this study were to provide information in proving the cause of the migration of former prisoners into the same place, as shown in this study was around Chow Kit Street, Kuala Lumpur. This research has contributed to new understanding regarding the criminal justice system in Malaysia on migration and convergence of ex-convicts in the same area as well as the effects that may have arisen from the convergence of former prisoners.

**Keywords:** former prisoner, pull factor, push factor, crime, migration, convergence

### Pengenalan

Penghijrahan merupakan perpindahan individu atau sekumpulan individu atas pelbagai faktor penolak dan penarik yang wujud dari tempat asal dan juga destinasi baru yang dituju. Kajian mengenai faktor penolak dan faktor penarik didapati sering mempengaruhi keputusan penghijrahan manusia dalam pelbagai jenis kajian yang lepas, namun pengkaji masih gagal menemui sebarang kajian yang menerbitkan perbincangan mengenai faktor-faktor yang membawa kepada penghijrahan dari kalangan bekas banduan dari tempat asal ke destinasi baru seperti bandar-bandar besar di dalam konteks tempatan iaitu Malaysia.

Dapatkan kajian yang terkumpul mendapat berlakunya penghijrahan dan penumpuan bekas banduan dari tempat asal ke bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur atas pelbagai faktor seperti keluarga yang tidak dapat menerima kehadiran mereka semula selepas dibebaskan (Glaser, 1964; Schafer, 1994; Shover, 1996; Shapiro & Schwartz et al., 2001; Braman, 2004; Farrall, 2004; Malik-Kane & Visher et al., 2008) dan diskriminasi yang berlaku dari penduduk di tempat asal (Hanson & Harris et al., 2000; Tica & Roth et al., 2012).

Hal ini kerana integrasi semula bukanlah satu proses yang mudah buat bekas banduan (Pager, 2003). Mereka terpaksa mengharungi cabaran dan dugaan yang besar selepas dibebaskan dari penjara. Penghijrahan bekas banduan dari tempat tinggal asal ke bandar adalah tidak

memerlukatkan kerana berlaku atas desakan pelbagai faktor yang wujud daripada cabaran yang timbul ini. Kajian telah mendapati, seringkali tempat yang dipilih bekas banduan untuk ditujujui adalah di tempat yang mereka sendiri merasa '*familiar*' dan berkumpulnya rakan senasib di kawasan tersebut. Penumpuan bekas banduan di suatu tempat ini sebenarnya boleh menjadi faktor kepada pengulangan jenayah dan pengulangan terhadap pengambilan dadah apabila dikelilingi oleh rakan senasib yang membawa kepada kecenderungan aktiviti jenayah. Tekanan yang berlaku menyebabkan bekas banduan ini memilih ke tabiat ketagihan lama sebagai cara melepaskan kekecewaan hidup yang berlaku.

## Kajian literatur

Penghijrahan boleh ditakrifkan sebagai satu bentuk penempatan semula melibatkan perpindahan kekal ke lokasi baru. Penghijrahan manusia adalah pergerakan seseorang dari satu tempat ke tempat lain dengan niat berpindah secara tetap di lokasi baru (Stark, 1984; Barsotti & Lecchini et al., 1994; Hammar, 1995). Pergerakan itu sering pada jarak yang jauh dan dari satu tempat ke tempat yang lain yang boleh melibatkan dalam dan juga luar dari negara. Ianya merangkumi apa-apa jenis pergerakan manusia, komposisi dan sebab (Kulu-Glasgow, 1992; Fassmann & Münz, 1992; Ghatak & Levine, 1993; Bauer & Zimmerman et al., 1995; Bilsborrow & Zlotnik, 1995; Mohd Fadzil et al., 2016).

Penghijrahan bukan satu fenomena baru sebaliknya ia telah menjadi sebahagian daripada sejarah manusia sejak awal lagi (Katz & Stark et al., 1986; Moulier, et al., 1994; Hammar et al., 1997). Rakyat telah berhijrah dari satu benua ke benua yang lain, dari negara ke negara yang lain, atau di dalam negara yang sama (Suhrke, 1995; Ishtiaque & Mahmud et al., 2011; Sukri et al., 2012). Penghijrahan mungkin boleh melibatkan hanya seorang individu, sebuah unit keluarga atau sekumpulan individu yang besar. Penghijrahan bertujuan untuk mencari tempat tinggal tetap atau sementara. Individu bergerak secara sukarela atau dipaksa untuk bergerak. Penghijrahan telah berlaku sepanjang sejarah manusia, bermula dengan pergerakan kumpulan manusia pertama dari asal-usul mereka. Salah satu corak penghijrahan paling signifikan ialah luar bandar ke bandar. Kajian mengenai penghijrahan perlu mempertimbangkan faktor-faktor lain daripada konteks geografi kedua-dua tempat iaitu daripada tempat asal mereka dan tempat ditujujui (Siddiqui, 2014). Penghijrahan berlaku atas pelbagai sebab. Mereka mengambil kira kebaikan dan keburukan sekiranya memilih untuk tinggal di tempat yang sama berbanding bergerak, serta faktor-faktor seperti jarak, kos perjalanan, masa perjalanan, jenis pengangkutan, rupa bumi, dan halangan budaya (Stark, 1984; Bilsborrow & Zlotnik et al., 1995; Hammar et al., 1997). Faktor penolak apabila penghijrahan berlaku kerana kesukaran seperti kekurangan makanan, perperangan, banjir, dan lain-lain. Manakala faktor penarik berlaku kerana sesuatu yang wajar seperti iklim yang lebih bagus, bekalan makanan yang lebih baik, kebebasan, dan lain-lain.

Faktor penolak adalah faktor yang memaksa individu untuk bergerak secara sukarela atau dalam banyak kes kerana terpaksa. Faktor penolak wujud dari tempat asal dan bertindak untuk mencetuskan penghijrahan dalam kalangan individu ini. Manakala faktor-faktor penarik adalah berasal dari tempat destinasi yang menarik individu untuk meninggalkan tempat asal mereka. Kedua-dua faktor penolak dan penarik adalah pelengkap di antara satu sama lain. Penghijrahan hanya boleh berlaku jika sebab untuk berhijrah (faktor penolak) diperkuuhkan lagi oleh tarikan (faktor penarik) yang wujud di destinasi yang ingin ditujujui (Hammar, 1995; Jazwinska & Okolski et al., 1996). Penghijrahan sering berlaku selepas pertimbangan dibuat ke atas kedua-dua

kumpulan faktor yang wujud ini (Kulu-Glasgow, 1992; Ghatak et al., 1993). Kesemua faktor-faktor ini menyebabkan seseorang individu membuat pertimbangan dan seterusnya pembuatan keputusan untuk bergerak keluar dari sesebuah kawasan atau menarik individu kepada kawasan lain.

### **Metod dan kawasan kajian**

Kajian kes mengenai pengulangan jenayah dalam kalangan bekas banduan telah dilakukan di Jalan Chow Kit pada tahun 2016. Pengkaji telah memilih Jalan Chow Kit sebagai kawasan kajian berdasarkan cadangan yang diberikan oleh Persatuan Kebajikan Komuniti Ikhlas Malaysia (IKHLAS) yang mengatakan kawasan tersebut sering menjadi penumpuan bekas banduan. Persatuan IKHLAS yang beroperasi sebagai sebuah pusat persinggahan setempat (*drop-in centre*) untuk golongan sasaran seperti bekas banduan yang baru dibebaskan dari penjara, penagih dadah dan pekerja seks. Keadaan membolehkan pengkaji mendekati responden yang hadir ke Persatuan IKHLAS sebagai klien dengan lebih mudah. Persatuan IKHLAS telah membuka jalan yang luas kepada pengkaji dalam merealisasikan kajian ini.

Teknik persampelan bola salji (*snowball sampling*) telah digunakan dalam memilih informan kajian yang menepati ciri-ciri populasi kajian. Seramai 16 orang bekas banduan yang terdiri daripada 14 orang lelaki dan 2 orang perempuan telah secara sukarela bersetuju menjadi informan kajian ini. Kesemua mereka telah dikenalpasti bertumpu di sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur. Kajian temu bual secara mendalam dijalankan dengan berpandukan satu protokol temubual berstruktur yang mengandungi soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Semua verbatim terkumpul telah diproses menggunakan program Atlas.Ti. Daripada kajian yang dilakukan telah membawa kepada pengenalpastian suatu corak yang sama iaitu penghijrahan bekas banduan dari tempat tinggal asal ke kawasan yang baru (kajian ini merujuk kepada Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur).

### **Hasil kajian dan perbincangan**

Kajian mendapati sebaik sahaja banduan dibebaskan, terdapat bekas banduan yang pulang ke tempat asal semula atau berhijrah jauh dari tempat asal. Terdapat bekas banduan yang kembali ke pangkuhan keluarga dan tidak kurang juga yang mengelakkan diri dari kembali semula kepada keluarga dengan berhijrah jauh dari tempat asal. Begitu juga, bekas banduan yang pulang ke pangkuhan keluarga yang akhirnya akan berhijrah pada suatu tempoh masa akibat daripada pelbagai faktor penolak yang timbul apabila berada dengan keluarga mereka. Dapatkan kajian yang terkumpul telah dianalisis oleh pengkaji dalam menentukan faktor penolak dan penarik bekas banduan untuk berhijrah.

Dapatkan kajian yang terkumpul telah mendapati majoriti informan kajian merupakan bekas banduan residivis (merujuk kepada pengulanglaku jenayah) yang mempunyai latar demografi sosial yang berisiko. Kesemua 16 orang informan ini mempunyai latar belakang keluarga yang tidak menerima mereka; tidak menghormati mereka; mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah; hidup di dalam komuniti yang tidak kondusif dalam membantu proses integrasi semula mereka; dari kalangan yang mengalami penyakit; tidak mempunyai harga diri; serta sistem sokongan sosial yang rendah. Pendek kata, cabaran yang dilalui di tempat asal mereka selepas

pembebasan telah membawa kepada keputusan bekas banduan untuk berhijrah ke suatu tempat yang lain khususnya ke tempat penumpuan bekas banduan yang lain. Penumpuan beramai-ramai bekas banduan di sesebuah tempat akan memberi kesan kepada diri mereka untuk cenderung terlibat semula ke dalam aktiviti lama semula akibat daripada ekologi sekeliling seperti pengaruh kawasan dan perasaan gian yang timbul. Pemilihan untuk hidup di dalam persekitaran sosial yang berisiko mendorong mereka untuk terlibat semula dengan jenayah.

Jadual 1 menunjukkan peristiwa sosial yang dialami bekas banduan sepanjang tempoh selepas pembebasan dari segi tempat tinggal, hubungan kekeluargaan, hubungan masyarakat, status pekerjaan dan lain-lain. Kesemua peristiwa yang direkod ini berfungsi dalam memahami punca yang membawa kepada pembuatan keputusan untuk berpindah jauh dari ahli keluarga. Setiap peristiwa yang berlaku mempunyai hubung kaitan di antara satu sama lain sebagai punca kepada proses penghijrahan tersebut.

#### *Faktor penolak kepada penghijrahan bekas banduan*

Penghijrahan boleh berlaku disebabkan oleh faktor penolak yang menyebabkan pemilihan individu untuk berpindah ke tempat lain. Justeru itu, pelbagai faktor penolak yang mendorong bekas banduan memilih untuk berpindah dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Berikut merupakan faktor-faktor penolak yang telah dikenal pasti:

- a. Hubungan kekeluargaan yang tidak mesra dan bekas banduan enggan tinggal bersama ahli keluarga

Rangkaian hubungan keluarga adalah bermanfaat untuk menyokong kepulangan banduan dan membantu mereka menghadapi proses integrasi semula (Shapiro & Schwartz et al., 2001; Braman, 2004; Farrall, 2004; Malik-Kane & Visher et al., 2008). Namun, pengkaji mendapati, majoriti besar bekas banduan mempunyai hubungan kekeluargaan yang longgar dan enggan tinggal bersama ahli keluarga sebaik sahaja dibebaskan dari penjara. Perasaan tidak diterima oleh ahli keluarga menyebabkan bekas banduan berasa lebuh selesa untuk tinggal berjauhan. Pilihan tempat tinggal untuk bekas banduan menjadi semakin terhad apabila tidak boleh bergantung kepada keluarga selepas dibebaskan. Ketiadaan tempat tinggal ini menyebabkan bekas banduan terpaksa tidur di jalanan dan cenderung meletakkan diri mereka berisiko dengan pengaruh jenayah yang menyumbang kepada peningkatan residivisme. Informan kajian berkongsi perasaan mereka tentang keluarga dan tempat hendak dituju selepas bebas:

Informan 1:

“...Ke mana saya hendak pergi, saya pastinya akan balik ke tempat lama. Sebab saya nak balik pada ahli keluarga pun mereka sudah tidak mahu menerima saya. Saya tidak ada apa-apa lagi”.

Informan 16:

“...Memanglah, saya sudah fikir tiada siapa yang sayang pada saya. Maka saya mengambil keputusan untuk tidak lagi tinggal bersama mereka. Saya pergi ke Kuala Lumpur dan memulakan hidup baru”.

**Jadual 1.** Peristiwa hidup berisiko informan

Informan	Tempat tinggal	Hubungan kekeluargaan	Status Pekerjaan	Hubungan rakan			Hubungan masyarakat
Informan 1	Tinggal di bawah jambatan	Ibubapa terima baik manakala adik beradik menolak	Menganggur	Selesa dengan rakan senasib			Jiran tidak menerima
Informan 2	Ketiadaan rumah	Ditolak oleh ahli keluarga	Menganggur	Mempunyai hubungan yang baik dengan rakan senasib			Jiran mempunyai persepsi negatif
Informan 3	Ketiadaan rumah	Hanya setengah ahli keluarga menerima dengan baik	Menganggur	Bercampur dengan rakan senasib			Jiran mempunyai persepsi negatif
Informan 4	Ketiadaan rumah	Ditolak oleh ahli keluarga	Menganggur	Bercampur senasib	dengan rakan		Jiran tidak mencampuri urusan peribadi responden
Informan 5	Ketiadaan rumah	Ditolak oleh ahli keluarga	Berkerja	Bercampur dadah	dengan rakan		Jiran tidak mengetahui rekodnya sebagai bekas banduan
Informan 6	Ketiadaan rumah	Diterima dengan baik	Menganggur	Bercampur senasib	dengan rakan		Sering dilabel oleh jiran
Informan 7	Enggan tinggal dengan ahli keluarga	Ditolak oleh ahli keluarga	Menganggur	Bercampur senasib	dengan rakan		Jiran mendiskriminasi
Informan 8	Kembali ke pangkuhan keluarga	Ditolak oleh ahli keluarga disebabkan oleh pengulangan jenayah	Menganggur	Bercampur senasib	dengan rakan		Jiran tidak mengetahui rekod jenayahnya
Informan 9	Ketiadaan rumah	Ditolak oleh ahli keluarga	Menganggur	Bercampur senasib	dengan rakan		Jiran mendiskriminasi
Informan 10	Ketiadaan rumah	Ditolak oleh ahli keluarga	Menganggur enggan bekerja	Bercampur senasib	dengan rakan		Jiran mendiskriminasi
Informan 11	Ketiadaan rumah	Ditolak oleh ahli keluarga	Menganggur	Bercampur senasib	dengan rakan		Jiran mendiskriminasi
Informan 12	Ketiadaan rumah	Ibubapa terima baik manakala adik beradik menolak	Menganggur	Bercampur senasib	dengan rakan		Tiada panggilan negatif tetapi responden dapat merasakan persepsi negatif
Informan 13	Tinggal berjauhan daripada keluarga	Diterima dengan baik	Menganggur	Bercampur senasib	dengan rakan		Jiran mendiskriminasi
Informan 14	Enggal tinggal lama dengan kakaknya	Ditolak oleh Ibubapa tetapi diterima baik oleh adik beradik	Bekerja	Bercampur senasib	dengan rakan		Tidak mengetahui rekod jenayah responden

Informan 15	Tinggal bersama keluarga	Diterima dengan baik	Menganggur	Bercampur dengan senasib	rakan Jiran mendiskriminasi
Informan 16	Ketiadaan rumah	Ditolak oleh ahli keluarga	Menganggur	Bercampur dengan senasib	rakan Jiran mendiskriminasi

Selain itu, kegagalan bekas banduan memperoleh tempat tinggal yang stabil disebabkan tidak boleh menumpang dengan keluarga terlalu lama. Informan 4 mengatakan sekiranya mereka pulang ke pangkuhan keluarga, mereka hanya boleh menumpang untuk tempoh tertentu sahaja. Tambahan lagi jika informan menganggur akan menimbulkan pandangan negatif dalam kalangan ahli keluarga. Pengangguran sering membawa kepada anggapan bahawa bekas banduan seorang yang malas dan tidak mahu berusaha untuk berjaya. Data temu bual bersama Informan 4 menunjukkan beliau memilih untuk berhijrah ke Kuala Lumpur dengan tujuan untuk mencari pekerjaan dan juga mencari rakan sebagai tempat pergantungan hidup. Berikut merupakan verbatim yang dikenal pasti mengatakan tentang hal-hal berkaitan:

Informan 4:

“...Kadang-kadang adik beradik ini, sudah tahu kisah lama saya ini, kalau sehari dua, saya boleh menumpang di rumah mereka, kalau sudah lama itu, kita sendiri akan sendiri terasa dengan cara layanan mereka dan memilih untuk membawa diri jauh daripada mereka. Dengan kita yang tidak bekerja ini menyebabkan mereka pun rasa lebih tertekan untuk menyara kita”.

Di samping itu, kajian juga mendapati penyebab kepada informan enggan pulang ke pangkuhan keluarga ialah kerana faktor perasaan kurang mesra dalam kalangan ahli keluarga. Kebanyakan mereka lebih selesa untuk tinggal berjauhan daripada keluarga dan memilih hidup sendiri walaupun terpaksa menjalani hidup yang sukar sebagai gelandangan di jalanan. Informan 1 mengatakan tentang faktor ini berkaitan dengan keengganan mereka untuk pulang ke pangkuhan keluarga.

Informan 1:

“...Tidak mahu tinggal dengan keluarga, sehingga saya telah melarat hidup hingga 20 tahun di lorong-lorong bawah jambatan. Hubungan saya yang sangat jauh (longgar) menyebabkan saya sendiri tidak selesa untuk tinggal bersama mereka”.

Selain faktor kemesraan keluarga, kajian juga mendapati penyakit yang dialami oleh bekas banduan seperti HIV, Hepatitis B, Hepatitis C juga boleh menjadi punca mengapa berlakunya penolakan dalam kalangan ahli keluarga. Informan 2 dan 7 mengatakan penyakit HIV yang mereka hadapi telah menyebabkan ahli keluarga tidak mahu lagi menerima mereka. Wujudnya persepsi negatif apabila terdapat perasaan takut yang penyakit ini boleh merebak kepada ahli keluarga yang lain. Keadaan ini menyebabkan mereka mengakui berasa tersisih walaupun berada dengan ahli keluarga sendiri. Antara verbatim responden kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

Informan 2:

“...Mereka pun tidak mahu menerima saya lah, saya ada penyakit HIV. Mereka takut penyakit saya akan kena pada mereka”.

Informan 7:

“...Sebab saya mempunyai sakit lah. Sebab saya ada penyakit HIV. Mereka pandang pun memang lain macam, ahli keluarga siap mengasingkan bekas makanan kerana bimbang jangkitan penyakit HIV”.

Apa yang dapat disimpulkan, pemenjaraan telah memberi tekanan kepada sistem kekeluargaan apabila banyak keluarga tertekan dengan jumlah sokongan dan bantuan yang perlu diberikan kepada bekas banduan setiap kali dibebaskan dari penjara (Sycip & Fawcett et al., 1988; Wolf & Drain et al., 2002; Braman, 2004; Christian, Mellow & Thomas et al., 2006). Keadaan ini telah melonggarkan hubungan kekeluargaan sehingga menyebabkan bekas banduan sendiri terasa dipulaukan oleh ahli keluarga. Bekas banduan juga merasa tidak lagi disayangi oleh ahli keluarga dan rata-rata akan memilih keluar daripada rumah dan hidup berjauhan dari ahli keluarga.

b. Kesan diskriminasi dan stigma daripada penduduk tempat asal membawa kepada penghijrahan bekas banduan

Selain faktor hubungan kekeluargaan yang tidak mesra dan penolakan ahli keluarga, faktor penolak lain yang dikenal pasti adalah berpunca daripada pelabelan dan stigma yang wujud dari kawasan kejiran mengakibatkan peminggiran sosial dan pengecualian yang boleh menyebabkan pengulangan tingkah laku jenayah dalam kalangan bekas banduan. Diskriminasi bekas banduan sering dikaitkan sebagai penghalang utama kepada integrasi semula yang berjaya di dalam masyarakat. Informan 7 mengatakan tentang perasaan mereka disisihkan dari masyarakat. Beliau turut mengatakan rakan di kawasan kejiran yang enggan berkawan dengannya disebabkan oleh jenayah yang dilakukan. Antara verbatim informan kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

Informan 7:

“...Apabila kejiranan sudah tahu status saya sebagai bekas banduan, mereka akan jadi lain macam, kalau jiran tidak tahu tidak mengapa, apabila mereka sudah tahu status, saya HIV, saya bekas penagih, pernah masuk penjara, bekas banduan, hubungan dengan kejiran itu macam ada jurang”.

Bekas banduan juga mengatakan turut menerima panggilan negatif daripada kejiranan. Informan 1 mengatakan pernah dipanggil oleh ahli kejiranan sebagai ‘mat pit’, mayat hidup, dan penagih bangsat. Informan 2 turut mengakui disindir oleh jiran tetangga. Antara verbatim informan kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

Informan 1:

“...Tetapi masyarakat umum adalah memanggil saya dengan perkataan-perkataan negatif. Sebagai contoh saya sebagai pengguna dadah, mereka akan panggil saya dengan gelaran mat pit, mayat hidup, penagih bangsat”.

Informan 2:

“..Walaupun saya tidak buat apa-apa, tetapi bila saya balik rumah, sedangkan kita nak jumpa keluarga, tapi bila berhadapan dengan jiran-jiran di kawasan kejiran, mereka akan menyindir saya dengan macam-macam perkataan”.

Penolakan yang wujud ini juga menimbulkan perasaan rendah diri dan kecil hati di kalangan bekas banduan. Informan 6 mengatakan berasa malu dan rendah diri apabila berada di kawasan kejiran. Informan 9 turut memberi respons yang sama apabila dia mengatakan berasa rendah diri dan enggan bercampur dengan masyarakat setempat di situ. Keadaan itu menyebabkan dia mengambil keputusan untuk berpindah ke Kuala Lumpur. Antara verbatim informan kajian yang memperlihatkan hal ini adalah:

Informan 6:

“...Apabila saya berada di kawasan kejiranan, saya sering berasa malu dengan diri saya, sebab diri saya yang dahulu, selain itu saya juga rasa rendah diri untuk berhadapan dengan mereka”.

Informan 9:

“...Memang saya sering berasa rendah diri. Saya memang mengelakkan diri dari rasa hendak bercampur dengan mereka. Itu merupakan salah satu sebab saya melarikan diri ke Kuala Lumpur. Saya tidak mahu sesiapa mengenali saya”.

Diskriminasi yang berlaku di kawasan tempat tinggal asal menyebabkan perasaan tawar hati untuk tinggal di situ lagi. Pengkaji melihat situasi ini telah menjadi faktor penolak kepada bekas banduan untuk keluar daripada kawasan tempat tinggal tersebut. Kebanyakan bekas banduan sudah tentu akan pulang ke kawasan kejiranan yang mengetahui sejarah lampau dan juga jenayah-jenayah yang pernah dilakukan. Pelbagai stigma wujud di dalam komuniti yang bimbang dengan kehadiran bekas banduan seperti kejadian mencuri, kerosakan harta benda atau kehilangan harta benda. Hal ini telah menjadi lumrah apabila bekas banduan sering dilihat sebagai punca kepada kehilangan harta benda di dalam kawasan berkomuniti. Keadaan pelabelan yang wujud di kawasan setempat menyebabkan bekas banduan mengambil peluang untuk berhijrah jauh dari tempat asal.

#### *Faktor penarik bekas banduan untuk berhijrah ke suatu tempat yang sama*

Selain memahami faktor penolak kepada penghijrahan, kajian ini turut penting juga mengenalpasti faktor penarik bekas banduan berhijrah dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Dapatan kajian yang terkumpul telah mengenal pasti dua faktor penarik yang berkaitan iaitu:

a. Faktor rakan senasib yang bertumpu di sekitar Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur

Ketiadaan tempat tinggal dan bergantung harap apabila dibebaskan dari penjara mendorong kebanyakan bekas banduan untuk bergaul semula dengan rakan senasib. Mereka memilih untuk bersama semula dengan rakan lama dan menjadikan rakan ini sebagai keluarga. Rakan ini menjadi tempat untuk mengadu nasib, berbual dan menjalankan aktiviti bersama. Pemilihan Jalan Chow Kit sebagai lokasi penyelidikan telah menyebabkan pengkaji menemui corak yang ditunjukkan oleh kebanyakan bekas banduan yang lebih selesa bertumpu di suatu kawasan yang sama di mana berlakunya penumpuan rakan mereka. Namun masalah yang timbul apabila penumpuan bersama dengan rakan ini membawa kepada pengaruh penglibatan semula ke dalam aktiviti lama seperti ketagihan dadah dan juga jenayah seperti mencuri, meragut, dan merompak. Berikut merupakan beberapa verbatim yang menyebut keselesaan mereka untuk berada di samping rakan senasib:

Informan 3:

“...Setiap kali saya dibebaskan, rakan akan menyambut saya dengan baik, mereka akan menjamu kita dengan barang-barang seperti Heroin, Ice kah”.

Informan 9:

“...Jumpa kawan-kawan yang macam ini. Saya berasa selesa bercakap dan

duduk dengan mereka. Mereka ini boleh menerima saya. Ianya mungkin disebabkan pengalaman hidup yang sama. Namun masalah lain yang timbul apabila lama-kelamaan menyebabkan saya akan menghisap dadah balik”.

Kesukaran mendapatkan kerja menyebabkan kecenderungan rakan senasib mencadangkan bekas banduan untuk menjual dadah. Hasil penjualan dadah yang dilihat lumayan telah mempengaruhi bekas banduan yang lain memilih jalan untuk menjual dadah. Kesempitan hidup dan kesukaran mendapatkan pekerjaan menyebabkan bekas banduan yang termakan janji dengan pulangan besar daripada penjualan dadah. Kajian mendapati seringkali situasi ini berlaku apabila ia bermula dengan mencuba menjual dadah dan lama-kelamaan akan berakhir dengan keinginan untuk mencuba atau mengambil semula dadah akibat perasaan gian.

**Informan 2:**

“...Bila dengan rakan senasib ini, mereka pun ada ajak melakukan jenayah. Sebab kesukaran hidup ini menyebabkan mereka mencadangkan agar saya menjual dadah semula untuk menampung hidup”.

Keadaan yang lebih membimbangkan apabila terdapat seorang informan yang mengatakan beliau tidak melihat pergaulan dengan rakan senasib sebagai suatu pengaruh yang buruk. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan apabila terdapat informan yang merasa tiada yang buruk daripada penjualan dadah atau melakukan aktiviti jenayah. Malahan mereka melihat rakan senasib sebagai suatu sistem sokongan dalam membantu mereka dalam mendapatkan sumber kewangan menerusi penjualan dadah tersebut.

**Informan 9:**

“...Saya tidak melihat rakan senasib ini sebagai pembawa pengaruh buruk. Bagi saya mereka membantu saya untuk mendapatkan duit. Bila dapat hasil dari menjual dadah. Kita akan mula terjebak balik dengan jenayah lah”.

Dapatan kajian ini mendapati faktor rakan sebaya yang bertumpu di suatu kawasan menyebabkan pemilihan bekas banduan untuk turut bersama-sama dengan mereka. Mereka melihat pengalaman yang lebih kurang sama menjadikan perasaan yang dekat di antara mereka. Rakan dilihat sebagai penganti kepada ahli keluarga dan sistem sokongan yang mereka tidak ada. Berada dekat bersama rakan, mereka menjadi selesa. Namun, perkara yang harus dibimbangkan apabila penumpuan bekas banduan yang berlaku ini menyebabkan kecenderungan untuk aktiviti antisosial berlaku dalam kalangan mereka adalah lebih tinggi. Rakan senasib sering mengajak bekas banduan untuk menjual dadah kerana menguntungkan. Aktiviti penjualan dadah membawa kepada tercetusnya perasaan ingin menggunakan dadah semula apabila perasaan ingin mencuba semula tercetus. Perkara sebegini harus menjadi kebimbangan sistem keadilan jenayah agar harus peka terhadap inisiatif yang perlu diwujudkan dalam mengelak perkara sebegini berlaku.

**b. Faktor mencari pekerjaan telah mencetuskan impian untuk berhijrah ke bandar besar**

Faktor penarik seterusnya yang dikenalpasti adalah pencarian sumber kerja di kawasan tempat yang ingin dituju. Kajian mendapati banduan memilih bertumpu di kawasan bandar dengan harapan untuk mencari pekerjaan. Kesukaran mencari pekerjaan di tempat asal yang rata-rata berasal daripada kawasan pendalaman menyebabkan ramai bekas banduan memilih

untuk berpindah dari kawasan tersebut. Ia diperkuatkan lagi dengan faktor penolak yang telah dibincangkan di dalam bahagian berikut.

Informan 8:

“...Pemilihan saya untuk berada di Chow Kit ini kerana memikirkan untuk mendapatkan pekerjaan. Sebab berada di kampung pun tiada kerja. Maka saya pilih untuk keluar dari rumah dan pergi merantau ke Kuala Lumpur”.

Informan 9:

“...Saya memikirkan peluang yang lebih cerah apabila dapat tinggal di Kuala Lumpur. Sebab kota yang besar, saya fikir pasti saya dapat memperolehi pekerjaan”.

Informan menegaskan bahawa harapannya untuk mencari pekerjaan boleh dikatakan agak punah. Impian untuk mendapatkan pekerjaan apabila berada di Kuala Lumpur ternyata meleset Penghijrahan bekas banduan ke bandar akhirnya menemukan kesusahan dan pelbagai dugaan. Kegagalan memperolehi sebarang pekerjaan membawa kesan yang kritikal ke atas kehidupan bekas banduan. Ini kemudiannya mendorong mereka memilih jalan singkat melibatkan diri ke dalam aktiviti jenayah bagi mendapatkan sumber kewangan. Pelbagai faktor yang dikenalpasti menyebabkan bekas banduan ini sukar mendapatkan pekerjaan seperti rekod jenayah yang dipegang, stigma majikan, tahap pendidikan yang rendah dan ketiadaan pengalaman. Antara verbatim yang mengatakan perkara ini adalah seperti berikut:

Informan 4:

“...Bila hendak bekerja memang sangat menyusahkan. Bila sudah kerja sebulan itu, bila sampai tempoh penapisan rekod, pasti saya akan gagal penapisan. Masa itu majikan tahu yang saya ada rekod penjara, rekod masuk pusat serenti”.

Informan 13:

“...Apabila saya hendak memohon sesuatu kerja, pertama kali mereka akan menyemak rekod penjara yang terdahulu. Saya selalu gagal penapisan sebab semakan rekod penjara ini lah”.

Pengkaji mendapati sememangnya pencarian pekerjaan merupakan salah satu faktor penarik yang membuatkan bekas banduan memilih untuk berhijrah ke kawasan lain seperti bandar. Namun, harapan mendapatkan pekerjaan itu begitu sukar apabila mereka masih terus menganggur walaupun telah berada di bandar. Namun masalah lain yang timbul apabila perkara yang menghantui mereka terjadi apabila mereka terus gagal memperolehi pekerjaan disebabkan oleh rekod jenayah yang dipegang. Majikan yang berupaya menyemak rekod banduan ini telah mengelak daripada mengajikan bekas banduan ini. Pelbagai punca yang dibimbangi majikan seperti liabiliti yang harus dipegang sekiranya bekas banduan ini mengulangi jenayah, berlaku kecurian harta benda di kawasan tempat kerja, dan keselamatan pekerja lain juga telah menyebabkan rata-rata majikan tidak mahu mengambil bekas banduan bekerja. Maka pengangguran bekas banduan menyebabkan mereka cenderung kembali kepada rakan lama dan mengulangi semula aktiviti antisosial.

## Kesimpulan

Secara keseluruhannya, penghijrahan dan penumpuan bekas banduan secara beramai-ramai di sebuah tempat yang sama adalah disebabkan dua kelompok faktor yang berikut:

### *Faktor penolak*

- hubungan kekeluargaan yang tidak mesra dan penolakan ahli keluarga yang telah menyisihkan bekas banduan sepanjang tinggal bersama di bawah satu bumbung.
- diskriminasi dan stigma masyarakat dari kawasan tempat tinggal asal yang membawa kepada keputusan bekas banduan untuk berpindah keluar jauh dari tempat asal.

### *Faktor penarik*

- penumpuan rakan senasib di suatu kawasan yang sama telah menjadi faktor penarik buat bekas banduan untuk bertemu bersama.
- berpunca daripada peluang pekerjaan yang dijangka dapat diperolehi dengan menuju ke bandar.

Ringkasnya, kajian telah mendapati penghijrahan dan penumpuan secara beramai-ramai ini adalah disebabkan ketiadaan tempat untuk dituju sebaik dibebaskan. Kajian ini mendapati trajektori pertama yang dilalui oleh setiap bekas banduan adalah mencari penempatan atau tempat tinggal. Penempatan telah dikenal pasti sebagai salah satu faktor utama yang boleh mengurangkan kadar pengulangan jenayah semula, kerana ia boleh memberikan kestabilan yang diperlukan untuk membolehkan bekas banduan menangani tingkah laku lama dan mengakses pelbagai perkhidmatan lain seperti kesihatan mental dan pekerjaan.

Pelbagai inisiatif perlu diperkenalkan dalam usaha untuk meningkatkan penyediaan rumah perantaraan kepada bekas banduan, terutamanya mereka yang dibebaskan dari penjara. Kajian ini mengesyorkan agar pembentukan sebuah program rumah perantaraan yang disediakan kepada seluruh bekas banduan yang masih gagal menemui penempatan dan tidak diterima oleh ahli keluarga. Ini kerana penempatan merupakan satu cabaran besar yang dihadapi oleh bekas banduan sejurus selepas meninggalkan penjara. Kegagalan memperoleh penempatan adalah rumit disebabkan oleh beberapa faktor termasuk penolakan ahli keluarga, enggan pulang ke rumah, dan diskriminasi terhadap bekas banduan. Kajian mengenai kesan penyediaan penempatan kepada bekas banduan sebaik dibebaskan adalah pelbagai. Sama seperti di Malaysia yang menyediakan rumah perantaraan buat bekas banduan yang dibebaskan dari penjara. Namun program rumah perantaraan yang diadakan ini sangat selektif dan hampir majoriti bekas banduan yang dibebaskan tidak mendapat peluang kepada program tersebut. Maka ia terbukti menunjukkan sistem keadilan jenayah di Malaysia masih gagal membantu bekas banduan dari segi penempatan selepas dibebaskan.

Oleh itu, rumah perantaraan yang lebih kondusif dan diselitkan dengan pelbagai program yang bersesuaian harus menjadi salah satu keutamaan dan disediakan kepada banduan yang dibebaskan dalam menghadapi integrasi semula. Hal ini kerana jumlah rumah perantaraan yang sedia ada gagal menampung dan memuatkan bekas banduan yang tidak mempunyai tempat tinggal dan tidak diterima oleh keluarga. Ketiadaan hala tuju menjadikan bekas banduan dengan mudah kembali kepada tingkah laku lama semula dan menyumbang kepada kadar pengulangan jenayah yang tinggi di dalam negara. Penempatan yang selamat dan bebas dadah begitu penting dalam memastikan integrasi semula berjalan dengan jayanya. Sebaik-baiknya, program rawatan penyalahgunaan dadah dan program yang berusaha dalam menyatukan bekas banduan dengan ahli keluarga mereka harus disepakupkan ke dalam program rumah perantaraan ini.

Program pasca integrasi semula yang berkesan perlu mempunyai penempatan yang direka khusus untuk bekas banduan yang baru dibebaskan dari penjara ini. Penyediaan rumah perantaraan ini boleh menyumbang kepada keselamatan masyarakat dengan menyediakan bekas banduan ini secara beransur-ansur berintegrasi semula ke dalam masyarakat, yang seterusnya terbukti menyumbang kepada pengurangan pengulangan jenayah dan relaps dadah. Dalam membentuk program penempatan, agensi keadilan jenayah harus bekerjasama dalam memastikan tahap kesediaan penghuni untuk berusaha dalam berintegrasi. Tanpa kesediaan bekas banduan untuk bekerja sama, pembentukan program penempatan tidak dapat direalisasikan seperti yang diharapkan.

## Rujukan

- Barsotti, O., & Lecchini, L. (1994). Social and economic aspects of foreign immigration to Italy. In Fassmann, H. & Muinz, R. (Eds.), *European migration in the late 20th century*. Edward Elgar Publishing.
- Bauer, T., & Zimmermann, K. (1995). Modelling international migration: Economic and econometric issues. In van der Erf, R. E. & Heering, L. (Eds.), *Causes of international migration*. Luxembourg, Eurostat.
- Bilsborrow, R., & Zlotnik, H. (1995). The systems approach and the measurement of the determinants of international migration. In van der Erf, R.E. & Heering, L. (Eds.), *Causes of international migration*. Luxembourg, Eurostat.
- Braman, D. (2004). *Doing time on the outside: Incarceration and family life in urban America*. Ann Arbor, MI, University of Michigan Press.
- Christian, J., Mellow, J., & Thomas, S. (2006). Social and economic implications of family connections to prisoners. *Journal of Criminal Justice*, 34 (4), 443-452.
- Farrall, S. (2004). Social capital and offender reintegration: Making probation desistance focussed. In Maruna, S. & Immarigeon, R. (Eds.), *After crime and punishment: pathways to offender reintegration*. Cullompton, Willan Publishing.
- Fassmann, H., & Münz, R. (1992). Patterns and trends of international migration in Western Europe. *Population and Development Review*, 18 (3), 457-480.
- Ghatak, S., & Levine, P. (1993). *Migration theory and evidence: An assessment*. London, Centre for Economic Policy Research. Discussion paper no. 769.
- Glaser, D. (1964). *The effectiveness of a prison and parole system*. Indianapolis, Bobbs.
- Hammar, T. (1995). Development and immobility: Why have not many more emigrants left the south? In. van der Erf, R.E. & Heering, L. (Eds.), *Causes of international migration*. Luxembourg, Eurostat.
- Hammar, T., Brochmann, G., Tamas, K., & Faist, T. (1997). *International migration, immobility and development: Multidisciplinary perspectives*. Oxford/New York, Berg.
- Hanson, K., & Harris, A. (2000). Where should we intervene? Dynamic predictors of sex offense recidivism. *Criminal Justice and Behavior*, 27, 6-35.
- Ishtiaque A., & Mahmud, M. (2011). Migration objectives and their fulfillment: A micro study of the rural-urban migrants of the slums of Dhaka City. *Malaysian Journal of Society and Space*, 7(4), 24-29.
- Jazwinska, E. & Okolski, M. (1996). *Causes and consequences of migration in Central and Eastern Europe*. Warsaw, Migration Research Centre, Institute for Social Studies University of Warsaw.
- Katz, E., & Stark, O. (1986). Labor migration and risk aversion in less developed countries. *Journal of Labor Economics*, 4 (1), 131-149.

- Kulu-Glasgow, I. (1992). *Motives and social networks of international migration within the context of the systems approach: A literature review*. The Hague, Netherlands Interdisciplinary Demographic Institute (NIDI), Working paper no. 3.
- Malik-Kane, K. & Visher, C. (2008). *Health and prisoner reentry: How physical, mental, and substance abuse conditions shape the process of reintegration*. Washington DC, The Urban Institute.
- Mohd Fadzil, Suharto, Wan Rabiah, & Mohd Roswodi (2016). Migrasi bandar-bandar di Malaysia: Kajian kes Wilayah Koridor Ekonomi Pantai Timur. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (4), 131-146.
- Moulier Boutang, Y., & Papademetriou, D. (1994). Typology, evolution and performance of main migration systems. *Migration and development. New partnerships for co-operation*, 19-35.
- Pager, D. (2003). The mark of a criminal record. *American Journal of Sociology*, 108, 937-975.
- Schafer, N. (1994). Exploring the link between visits and parole success: A survey of prison visitors. *International Journal of Offender Therapy and Comparative*, 38 (1), 17-32.
- Shapiro, C., & Schwartz, M. (2001) Coming home: Building on family connections. *Corrections Management Quarterly*, 5, 52-61.
- Shover, N. (1996). *Great pretenders: Pursuits and careers of persistent thieves*. Boulder, CO: Westview Press.
- Siddiqui, R. (2014). Patterns and factors of out-migration in the Meghna Estuarine Islands of Bangladesh. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10 (1), 11-24.
- Stark, O. (1984) Migration decision making: A review article. *Journal of Development Economics*, 14, 251-259.
- Suhrke, A. (1995). Analysing the causes of contemporary refugee flows. In van der Erf, R.E. & Heering, L. (Eds.), *Causes of international migration*. Luxembourg, Eurostat.
- Sukri Nyompa, Mohd Fuad, Noraziah Ali & Katiman Rostam. (2012). Migran dan akta pentadbiran kependudukan di bandar Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (1), 80-87.
- Sycip, L., Fawcett, J.T. (1988). Expectations, family networks, and emigration: A study of Filipino decision-making. Honolulu, East-West Population Institute. Report no. 238.
- Tica, G., & Roth, M. (2012). Are former male inmates excluded from social life? *European Journal of Probation*, 4 (2), 62 – 76.
- Wolff, N., & Draine, J. (2002). Dynamics of social capital of prisoners and community reentry: Ties that bind? Paper presented at Public Health Dimensions of Reentry, Urban Institute Reentry Roundtable, Los Angeles.